

Kaji semula projek pengambilan pasir laut di Yan



Pulau Song Song paling teruk terancam.
(Foto ihsan CAP)

CAP gesa Kedah siasat aktiviti jejas alam sekitar, pendapatan nelayan

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) mengkaji semula kelulusan projek pengambilan pasir laut di Yan, Kedah yang menjejaskan alam sekitar dan sumber pendapatan penduduk di daerah itu.

Kerajaan Kedah dan jabatan perikanan juga perlu menyasiat aktiviti berkenaan kerana ia turut mengancam sumber perikanan dan kehidupan kira-kira 1,000 nelayan di sekitarnya.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, berkata nelayan mendakwa ia turut menjejaskan keadaan semula jadi empat pulau di perairan itu iaitu Pulau Song Song, Pulau Telur, Pulau Bunting dan Pulau Bidan yang mana pembiakan hidupan laut serta ekosistemnya juga turut terancam.

“Operasi pengambilan pasir hanya dibenarkan di luar kawasan tiga batu nautika dari pulau berkenaan, namun kapal penyedut pasir di sini kerap melakukan aktiviti mereka berhampiran pulau itu pada waktu malam bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

“Pulau yang paling teruk terancam ketika ini ialah Pulau Song Song, menyebabkan pantainya menjadi sempit dan semakin mendap.

“Dahulu, kawasan ini menjadi tempat penyu mendarat, tetapi sekarang tidak lagi sesuai bagi hidupan itu bertelur dan membiak,” katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

“Pulau yang paling teruk terancam ketika ini ialah Pulau Song Song, menyebabkan pantainya menjadi sempit dan semakin mendap”

Mohideen Abdul Kader,
Presiden CAP



Mengulas lanjut Mohideen berkata, aktiviti menyedut pasir laut di perairan itu bukan sahaja boleh mengancam keadaan semula jadi pulau dan mencemarkan perairan berkenaan, tetapi turut memusnahkan tempat pembiakan ikan.

Empat pulau bakal lenyap

Katanya, KeTSA, jabatan dan agensi terbabit, termasuk kerajaan

Kedah perlu beri perhatian serius terhadap rungutan dan bantahan penduduk tempatan sebelum ini kerana mata pencarian mereka semakin terjejas.

“CAP percaya jika keadaan itu berlarutan, hidupan laut di perairan berkenaan akan mengalami kepupusan dan boleh menggugat sektor perikanan negara pada masa akan datang.

“Jika punca kejadian itu tidak ditangani segera, empat pulau di perairan berkenaan kelak mungkin lenyap dan hanya tinggal nama.

“CAP kesal dengan kelulusan projek ini yang sepatutnya dikaji secara terperinci terlebih dahulu dan dipantau dengan rapi oleh kerajaan supaya tidak mengancam alam sekitar atau memberi masalah kepada kehidupan nelayan di daerah itu,” katanya lagi.